

Perburuan Hamba, Perlanunan, dan Kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: Perspektif Sejarah Maritim

Ismail Ali

Ikhtisar: Abad ke-18 dan ke-19 telah menyaksikan kemunculan orang-orang Dayak Laut di Sarawak – bersama-sama dengan orang-orang Iranun dan Balangingi yang berasal dari kepulauan Filipina – sebagai “hero” Brunei kerana pernah menjadikan bangsa Eropah sebagai tawanan dan hamba mereka. Penguasaan orang-orang Iranun, Balangingi, dan Dayak Laut yang juga dikenali sebagai “Raja di Laut” dan “Vikings daripada Laut Timur” di perairan kepulauan Borneo dan Asia Tenggara ini telah menggerunkan dan sekaligus menjadi mimpi ngeri kepada para pelayar dan pedagang Barat yang berlayar ke kawasan perairan kepulauan Borneo dan Asia Tenggara pada waktu itu. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji penglibatan dan peranan para pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak dalam aktiviti pemburuan hamba dan perlanunan serta membantu rejim Brooke dalam kempen penghapusan lanun (mantan pembesar Brunei, pembesar Melayu Sarawak, dan Dayak Laut) di sekitar perairan Sarawak dan Brunei pada era pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828-1852) dari perspektif ekonomi dan budaya maritim Brunei.

Kata kunci: Lanun, Dayak Laut, Iranun, Balangingi, pembesar Brunei dan Melayu, Sarawak, dan penghapusan lanun.

Abstract: The eighteenth and nineteenth centuries witnessed the emergence of the Sea Dayaks in Sarawak – alongside the Iranuns and the Balangingis whose homeland was the Philippine islands – as the heroes of Brunei due to the fact that the Europeans were once captured by the Sea Dayaks and were made as the latter’s slaves. The control that the Iranuns, the Balangingis, and the Sea Dayaks who were also known as the “King of the Seas” and the “Vikings of the Eastern Seas” had over the Borneo island and Southeast Asia was rather intimidating, in fact a nightmare, for travelers and Western traders who sailed to or through the region. This article aims to investigate the involvement of, and the role played by, Brunei’s governing elite and the Malays in Sarawak in slave hunting and piratical activities and the assistance they offered to Brooke regime in piracy eradication campaign (former Brunei’s governors, Malay Sarawak governors, and the Sea Dayaks) at the coastal areas of Sarawak and Brunei during the reign of Sultan Omar Saifuddin II (1828-1852) from the perspectives of maritime economy and culture of Brunei.

Key word: Piracy, Sea Dayaks, Iranun, Balangingi, Bruneis and Malays elite, Sarawak, and piracy eradication.

Pendahuluan

Abad ke-18 dan ke-19 telah menyaksikan kemunculan orang-orang Iranun dan Balangingi yang berasal dari Kepulauan Filipina dan orang-orang Dayak Laut dari Sarawak sebagai *hero* atau “jaguh” di laut dan sekaligus

menjadi mimpi ngeri kepada para pelayar Eropah dan China yang berlayar ke kawasan perairan Kepulauan Borneo dan Asia Tenggara pada waktu itu. Dalam erti kata lain, hegemoni dan pendominasian orang-orang Iranun, Balangingi, dan Dayak Laut ke atas

perairan Kepulauan Borneo dan Asia Tenggara pada abad ke-18 dan ke-19 banyak mendatangkan masalah besar kepada pelayar dan para pedagang.

Menurut Leigh R. Wright:

The practice of piracy in Southeast Asian in the nineteenth century was to a very large extent a continuation of a phenomena which was widespread from the ancient beginnings of sea traffic in the straits and along the coasts of the area [...] There were, however, several strong and organized *Lanun* Pirate communities on the northern coasts of Borneo [...] Many young Muslim Malay seafares from Borneo were led on marauding expeditions in the nineteenth century by Arab sheriffs [...] Their allies were Iban of Sarawak on the northeast coast of Borneo [...] Balingini from the island of that name east of Jolo in the Sulu Archipelago [...] (Wright, 1966:3-4).

Tindakan Iranun, Balangingi, dan Dayak Laut yang seringkali merompak kapal-kapal dagang Barat dan menjadikan anak-anak kapal sebagai komoditi dagangan, iaitu dalam bentuk hamba, telah menyebabkan berlakunya transformasi dalam asal-usul identiti mereka sendiri, iaitu dari sebuah bangsa bernama Dayak di Sarawak yang telah lama wujud sebelum kedatangan bangsa Barat lagi kepada satu bangsa baru yang dikenali sebagai bangsa *pirates* yang dicipta oleh Barat (Sandin, 1967; dan Ongkili, 1973). Dalam erti kata lain, pengidentifikasian semula bangsa Dayak Laut menjadi satu bangsa yang baru ini secara perlahan-lahan telah menghakis dan menghilangkan identiti asal yang mereka miliki dan mula diterimapakai oleh masyarakat setempat di kepulauan Nusantara pada abad ke-18.

Ini terbukti apabila perkataan *pirates* ciptaan Barat ini telah diasimilasikan, diubah-suai, diterjemahkan berasaskan perbuatan, dan dijadikan sebagai sebahagian perbendaharaan kata masyarakat Melayu Nusantara. Contohnya, penggunaan istilah “lanun” sebagai satu perkataan dalam Bahasa

Melayu yang digunakan oleh penduduk di Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo pada abad ke-18 sebenarnya diubah-suai daripada bangsa pelakunya sendiri, iaitu Iranun, yang memang secara kebetulan didominasi oleh orang-orang Iranun pada peringkat awal atau perintis (*pioneer*) untuk merujuk kepada istilah *pirates* yang digunakan oleh Barat (*Handbook of British North Borneo*, 1890).


Di kepulauan Indonesia pula, walaupun aktiviti pemburuan hamba dan rompakan kapal-kapal dagang dilakukan oleh orang-orang Iranun dan Balangingi, namun masyarakat Indonesia tidak mengistilahkan mereka sebagai “lanun”, yakni sempena bangsa mereka, tetapi mengistilahkan mereka sebagai “bajak laut” yang bermaksud “perompak laut”, yakni berdasarkan kegiatan merompak dan dilakukan di laut (Lapian, 1990).

Penguasaan orang-orang Iranun, Balagingi dan Dayak Laut – atau juga dikenali sebagai “Raja di Laut” (*King of the Seas*) – ke atas perairan kepulauan Borneo dan Asia Tenggara ini telah menggerunkan para pelayar terkemuka Eropah seperti Alexander Dalrymple (1808), William Dampier (1960), Thomas Forrest (1961), J. Hunt (1967), dan lain-lain lagi. Lalu, mereka menggelarkan kawasan perairan di Laut China Selatan, Laut Sulu, dan Laut Celebes pada pertengahan abad ke-18 dan ke-19 sebagai *age of the pirate* dan melabelkan bulan Ogos-Oktober sebagai “musim lanun” atau *pirates seasons* atau *pirate wind*. Menurut James Francis Warren:

The heartland of piracy in Southeast Asia has been considered for centuries to be in the waters around the southern Philippines and Borneo, especially the Sulu and Celebes seas [...] including the Sultanate of Brunei, engaged in maritime riding and warfare before the arrival of Europeans in the sixteenth century (Warren, 2002:20).

Berdasarkan kepada catatan-catatan oleh pelayar terkemuka Barat pada

abad ke-18 dan abad ke-19, seperti Alexander Dalrymple dalam *Oriental Repertory* (1808), William Dampier dalam *A New Voyage Round the World* (1697), Thomas Forrest dalam *A Voyage to New Guinea and the Moluccas* (1771) dan lain-lain lagi, banyak melaporkan kegiatan perlanungan di perairan Asia Tenggara. Owen Rutter, misalnya, dalam bukunya yang berjudul *The Pirate Wind* (1930) pula telah menggelarkan etnik Iranun dan Balingingi di kepulauan Sulu dan perairan Asia Tenggara sebagai *Vikings of the Eastern Seas*, yang menyamai kehebatan orang-orang “Viking” yang cukup digeruni di Eropah. Menurut Owen Rutter lagi:



Peta 1:
Lakaran Peta Kepulauan Borneo
(Sumber: Bob Reece, 2002:10)

No merchant ship of the colonial powers and no shore village was immune from their attack which, in their rampant ferocity, made the threat of extreme violence and anarchy an everyday fact of life for the coastal populations of Southeast Asia for long periods of time [...] fierce, dangerous and merciless [...] European, American, Chinese, and native vessels who had been sold into slavery (Rutter, 1930:19).

Pendominasian orang-orang Iranun, Balangingi, dan Dayak Laut di perairan Asia Tenggara pada abad ke-18 dan ke-19 telah mendatangkan masalah besar kepada pihak British di Borneo Utara, Sepanyol di Filipina, dan Belanda di Indonesia (Gomes, 1954; Nigel, 1969; Warren, 1981; dan Reid, 1988). Selain menjalankan aktiviti memburu hamba

dan berdagang, orang-orang Dayak Laut juga seringkali merompak dan memusnahkan kapal-kapal dagang dan pengkalan perdagangan milik Eropah di kepulauan Melayu. Pada 8 Disember 1848, misalnya, orang-orang Dayak Laut bersama orang-orang Iranun dan Balangingi telah merompak dan menculik anak kapal *Minerva* di pantai barat kepulauan Borneo Utara. Pada tahun 1810, kapal layar British bernama *Comerse* yang mengalami kerosakan di muara Sungai Sarawak telah diserang dan ditawan oleh Dayak Laut serta merampas semua kargo dan senjata, termasuk menjual anak kapalnya ke Brunei sebagai hamba (Rawlins, 1969:11).

Pengertian dan Konsep Perlanunan (*Piracy*)

Dari segi sejarahnya, aktiviti jenayah di perairan Asia Tenggara telah wujud sejak kemunculan kerajaan Funan pada sekitar abad pertama Masehi lagi, iaitu apabila orang-orang Funan telah menyerang kapal-kapal yang melintasi kawasan perairan mereka. Pernah diceritakan tentang seorang raja perempuan Funan, bernama Liu-ye, memimpin satu angkatan pelaut Melayu menyerang kapal-kapal pedagang yang melintasi kawasan perairan Funan (Braddel, 1980:27).

Sementara itu A.P. Rubin (1974:10) pula mendefinisikan *piracy* sebagai perompakan di laut oleh sesebuah perahu ke atas sebuah perahu yang lain tanpa kuasa negeri (*state authority*) dan untuk kepentingan peribadi. Chancellor Kent (*House of Commons, England*) pula mendefinisikan “lanun” sebagai: “*piracy is robbery or a forcible depredation on the high seas without lawful authority, and done animo furandi, and in the spirit and intention of universal hostility*” (dalam Warren, 2002:2). Menurut Joan Rawlins pula adalah seperti berikut:

A pirate is a robber on the high seas, and there were many of them in the Eastern Seas at the beginning of the nineteenth century. [...] Opium, tin, tea, silk, cotton, gold, crockery and pepper were only a few of the goods that might fall into the hands of a lucky pirate, but more valued than all of these were the slaves. Sometimes the crews of captured ships were sold as slaves, but more often the pirates raided small coastal towns and villages and carried off the women and children [...].



Ilustrasi 1:

Pemandangan Brunei (*Borneo Proper*) Abad ke-17
(Sumber: D.J.M. Tate, 1988:58)

The life of a pirate was an exciting one and probably many men preferred it to a life of padi-planting or fishing (Rawlins, 1969:38).

Dalam Bahasa Inggeris, perkataan ini dapat disamaertikan dengan perkataan *pirates* dan *piracy*. Menurut Joan Rawlins (1969:38), istilah atau perundangan Barat untuk konsep “perompak” (*robber*) dan “lanun” (*pirates*) adalah merupakan dua perkara yang berbeza. Perompak (*robber*) biasanya merujuk kepada individu yang merampas harta benda atau hak orang lain secara paksa di darat; manakala lanun (*pirate*) pula merujuk kepada individu yang merampas harta benda atau hak orang lain secara paksa di laut lepas dan di luar jurisdiksi wilayah sesebuah negara.

Dalam erti kata lain, orang-orang Barat tidak menyebut individu yang terlibat dalam aktiviti perompakan di laut sebagai “lanun” tetapi menggelarnya sebagai *pirate*. Istilah “lanun” yang diterimapakai dan dijadikan perbendaharaan kata oleh orang-orang Melayu pada hari ini dikatakan berasal dari perkataan “Iranun” atau *Illanun*; dan perkataan “lanun” atau “Illanun” mula digunakan

secara meluas untuk merujuk *pirate* pada akhir abad ke-18 (Omar, 1983; dan Halimi, 2000).

Penglibatan Pembesar Brunei dan Melayu Sarawak dalam Aktiviti Perlanunan

Pengetahuan dan pemahaman berhubung sejarah ringkas kemunculan dan keagungan Kesultanan Brunei pada abad ke-15 lagi penting untuk dijadikan asas bagi memahami penglibatan golongan aristokrat Brunei dalam aktiviti pemburuan hamba dan rompakan di laut sehingga digelar sebagai *pirates* oleh kolonial dan para sarjana Barat. Pada abad ke-15 dan ke-16, Brunei telah muncul sebagai salah sebuah kerajaan maritim atau *thalassocracy* (Bala, 2005) di kepulauan Borneo dan setaraf dengan Kesultanan Sambas, Pontianak, dan Banjarmasin di kepulauan Borneo.

Di bawah pentadbiran Sultan Bolkiah, Brunei telah mencapai zaman kegemilangan dan empayer Brunei pada waktu itu bukan sahaja terbentang luas di Borneo Utara tetapi juga meliputi kepulauan Sulu dan Manila. Ini menyebabkan beberapa orang pengembara Barat seperti Tome Pires dan Pigafetta pernah menggelar zaman kegemilangan Brunei ini sebagai *the Golden Age of Brunei*

(dalam Singh, 1984:18). Sebelum kedatangan Barat pada awal abad ke-16, Kerajaan Brunei telah mempunyai satu sistem pentadbiran yang teratur dan menjadikan Islam sebagai teras pemerintahannya (Halim & Jamillemar, 1958; dan Abdul Latif, 1992).

Dalam urusan pentadbiran Kerajaan Brunei, Sultan Bolkiah telah dibantu oleh majlis pembesar terkanan, atau *Wazir*, iaitu *Pangiran Bendahara*, *Pangiran Temenggung*, *Pangiran Di-Gadong*, dan *Pengiran Pemancha*. Di



Ilustrasi 2:

Potret Seorang Dayak Laut
(Sumber: J.F. Warren, 2002:213)


bawah *Wazir Berempat* ini pula terdapat jawatan lain bergelar *Ceteria* yang terdiri daripada *Orang Besar Lapan* dan *Orang Besar Enam Belas* yang menyerupai sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka (Osman, Hadi Abdullah & Hakip, 2001:24).

Dari segi susunlapis masyarakat Melayu Brunei terdiri daripada *Sultan*, *Raja-raja "Bertaras"*, *Anak-anak Raja* dan *Pengiran-pengiran*, *Ampuan*, *Awang*, *Rakyat*, *Sakai*, dan *Hamba* (Brown, 1970).

Untuk memudahkan urusan pentadbiran tanah jajahan dan penduduknya, Kerajaan Brunei telah membahagikan pentadbiran ini kepada tiga jenis pemilikan, iaitu: Sungai Kerajaan (pegangan Sultan), Sungai Kuripan (pegangan Wazir), dan Sungai Tulin atau Pusaka yang dimiliki

oleh Sultan dan para pembesar (Singh, 1984; dan Sidhu, 1995).

Kerajaan Brunei telah melantik para pembesarnya untuk mentadbir tanah jajahan bagi pihak Sultan Brunei. Dalam kes di Sarawak, pentadbiran Kerajaan Brunei pada peringkat awal telah diterajui oleh seorang bangsawan Brunei bernama Pangeran Indera Mahkota yang berpusat di Kuching. Di bawah pentadbiran Pangeran Indera Mahkota telah membangkitkan kemarahan penduduk Sarawak



Ilustrasi 3:

Rekabentuk *Bangkong* (Perahu Perang Dayak Laut)
(Sumber: D.J.M. Tate, 1988:28)

apabila beliau mula mengambilalih kuasa daripada pemimpin tempatan, mengeksploitasi penduduk, dan mengenakan cukai yang tinggi kepada penduduk di Sarawak. Dalam tempoh pemerintahannya, beliau telah menyaksikan beberapa siri pemberontakan penduduk Sarawak sehingga memaksa Sultan Brunei menghantar Pangeran Raja Muda Hashim dan beberapa pembesar Brunei lain untuk menggantikan Pangeran Indera Mahkota dan lain-lain pembesar


Melayu Sarawak yang bersengkongkol dengannya (Halim & Jamillemar, 1958).

Pada masa yang sama, kekusutan dalam pentadbiran Brunei di Sarawak ini telah dipergunakan oleh Pangiran Indera Mahkota (mantan Gabenor Brunei di Sarawak), Sherif Masahor (mantan Gabenor Brunei di Rejang), Sherif Sahap di Sadung, Sherif Jaffir dan Sherif Mulla (Mular) di Skrang untuk mempengaruhi orang-orang Dayak Laut (*Sea Dayaks*) menyertai ekspedisi pemburuan hamba dan rompakan kapal-kapal dagang Barat dan telah disambut baik oleh beberapa orang ketua dan pemimpin Dayak.

Sebelum

kedatangan James Brooke di Sarawak, Kerajaan Brunei di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah hingga Sultan Omar Ali Saifuddin I merupakan salah satu pusat perdagangan hamba yang terpenting di kepulauan Borneo. Para pembesar Brunei seperti Pangiran Usop dan para pembesar Brunei yang mentadbir tanah jajahan Brunei di Sarawak seperti Sherif Masahor, Sherif Sahap, Sherif Mulla, dan lain-lain lagi telah terlibat dalam aktiviti pemburuan hamba dan rompakan kapal-kapal dagang Barat yang diterajui oleh orang Iranun yang berpangkalan di Pulau Labuan (Rawlins, 1969:63).

Penglibatan para pembesar Brunei dalam aktiviti perdagangan hamba ini sebenarnya mempunyai kaitan rapat dengan kemunculan Kesultanan Sulu



Ilustrasi 4:

Potret James Brooke di Sarawak
(Rajah Brooke)

sebagai pusat perdagangan hamba di Asia Tenggara pada abad ke-18 dan permulaan pertapakan James Brooke di Sarawak yang sedikit sebanyak telah mula membawa kepada kemerosotan ekonomi para pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak (Nicholl, 1996).

Kemerosotan kuasa para pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak menjadi lebih ketara lagi apabila James Brooke berjaya mendapatkan Sarawak pada tahun 1841 dan Pulau Labuan pada tahun 1846 daripada Kesultanan Brunei. Contohnya, tindakan Sultan Mumin (Brunei) menyerahkan bahagian hilir lembah Rejang kepada James Brooke pada tahun 1853 dan tindakan Charles Brooke mengusir Sherif Masahor dari Sarikei pada tahun 1855 telah menjejaskan kekuasaannya selaku

Gabenor Brunei di kawasan tersebut. Selain Sherif Masahor, Datu Patinggi Abdul Ghapur yang menjadi pembesar Melayu di Kuching juga menerima nasib yang sama apabila dilucutkan jawatannya oleh James Brooke pada tahun 1854 kerana dikatakan telah mengenakan cukai yang tinggi kepada penduduk di Kuching (Tarling, 1971; dan Pollard, 1997).

Sebagai tanda penentangan para pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak terhadap kekuasaan rejim Brooke, para pembesar ini dengan bantuan orang-orang Iranun yang bergelar *sherif* telah memobilisasikan orang Dayak Laut yang menetap di kawasan lembah sungai dan pedalaman di Sarawak untuk menjadi lanun. Secara amnya, perkataan Dayak Laut atau *Sea Dayaks* ini bukanlah merupakan nama asal kepada etnik ini, tetapi sebenarnya dicipta oleh Barat, iaitu semasa pemerintahan rejim Brooke di Sarawak (Richards ed., 1992).

Di kalangan etnik Sarawak, orang Dayak Laut ini lebih dikenali sebagai orang Iban. Walaupun dikenali sebagai "Dayak Laut" namun etnik ini bukanlah menjadikan maritim sebagai budaya kehidupan mereka sepertimana orang-orang Iranun dan Balangingi di kepulauan Sulu, tetapi lebih bersifat masyarakat agraria yang mengamalkan *shifting cultivation* dan aktiviti pemburuan. Sebelum kedatangan agama Kristian, orang-orang Dayak Laut yang tinggal di rumah panjang ini tidak mempunyai agama, iaitu mengamalkan kepercayaan animisme dan diklasifikasikan sebagai *pagan of Borneo* sahaja dan menjadikan aktiviti



Ilustrasi 5:

Serangan British di Petempatan Dayak Laut di Sungai Padeh, Sarawak (Sumber: Bob Reece, 2002:29)

pemburuan kepala manusia sebagai sebahagian daripada kebudayaan mereka.

Berbeza dengan orang-orang Iranun dan Balangingi, orang-orang Dayak Laut tidak mengamalkan budaya perhambaan di dalam strata masyarakatnya. Orang-orang Iban (*Sea Dayaks*) juga merupakan antara suku kaum yang cukup digeruni di Sarawak kerana keberanian mereka dan terkenal sebagai pemburu kepala (*head hunters*). Dalam erti kata lain, aktiviti *maritime raiding* di kalangan orang-orang Dayak Laut pada abad ke-18 dan ke-19 bukanlah merupakan budaya asal nenek-moyang mereka tetapi dipengaruhi oleh luar (Dickson, 1956; Sandin, 1967; dan Richards ed., 1992).

Sejarah penglibatan orang-orang Dayak Laut dalam aktiviti *maritime raiding* banyak dipengaruhi oleh mantan pembesar Brunei dan pembesar Melayu di Sarawak seperti Sherif Sahap (Iranun), Pangiran Indera Mahkota (mantan Gabenor Brunei di Sarawak) di Patusan, Sherif Jaffir (keturunan Arab) di Lingga, dan Sherif Mulla (keturunan Arab) di Undup. Dua orang pemimpin ulung orang Dayak Laut yang bergiat aktif bersama Sherif Sahap, Pangiran

Indera Mahkota, Sherif Jaffir, dan Sherif Mulla dalam aktiviti *maritime raiding* di perairan Borneo Utara ialah Linggir dan Luang. Antara kawasan petempatan utama etnik Dayak Laut di Sarawak, yang juga dilabelkan sebagai *pirate river*, termasuklah di Sungai Saribas, Sungai Skrang, Sungai Batang Lupar, dan Sungai Rajang.

Dalam pelayaran James Brooke dari Singapura ke Sarawak (Kuching) pada tahun 1841 dengan kapalnya yang bernama *Royalist* telah terserempak dengan beberapa buah perahu besar milik orang Iranun dan Dayak Laut (Iban) di muara sungai Sarawak (Warren, 2002:44). Sementara itu Munsyi Abdullah, sewaktu belayar ke Kelantan, juga pernah bertembung dengan orang-orang Dayak Laut bersama orang Iranun dan Balangingi di pantai timur Malaya tahun 1830-an.

Keberadaan orang-orang Dayak Laut yang mendominasi beberapa batang sungai utama seperti Sungai Lupar, Sungai Saribas, Sungai Rimbas, dan lain-lain lagi di Sarawak telah mengancam ketuanan Kesultanan Brunei di Sarawak yang diterajui oleh seorang pembesar Brunei bernama Raja Muda Hashim, termasuk merompak kapal-kapal dagang British dan Belanda.

Sepertimana Sherif Usman dan lain-lain pembesar Iranun di Borneo Utara, pembesar Sarawak seperti Sherif Sahap, Pangiran Indera Mahkota, Sherif Jaffir, dan Sherif Mulla yang mempunyai hubungan dengan para pemimpin Iranun di Borneo Utara juga telah menaja orang-orang Dayak Laut untuk ikut bersama orang-orang Iranun menjalankan aktiviti pemburuan hamba dan rompakan kapal-kapal dagang Barat. Satu perkara yang cukup menarik dalam membincangkan penglibatan awal orang-orang Dayak Laut dalam aktiviti *maritime raiding* di kawasan perairan Borneo Utara pada abad ke-18 dan ke-19 ini ialah tujuan sebenar mereka.

Berbeza dengan orang Iranun dan Balangingi, penglibatan orang-orang Dayak Laut di Sarawak bukanlah untuk mendapatkan hamba atau hasil rompakan kapal-kapal dagang, tetapi lebih bertujuan untuk mendapatkan kepala manusia sahaja untuk memenuhi sebahagian daripada tuntutan sosio-kebudayaan mereka yang telah diamalkan sejak turun-temurun lagi (Dickson, 1956; Sandin, 1967; dan Richards ed., 1992). Dalam erti kata lain, penglibatan orang-orang Dayak Laut dalam ekspedisi *maritime raiding* di Sarawak lebih menguntungkan para pemimpin mereka seperti Sherif Sahap, Pangiran Indera Mahkota, Sherif Jaffir, dan Sherif Mulla.

Dengan terbinanya pengkalan dan petempatan Dayak Laut di Sarawak seperti Saribas, Krian, Batang Lupar, dan Skrang, serta di kepulauan Sulawesi seperti di Tontoli, Dampelas, Tobungku, Tanah Jampea, Lambok, dan lain-lain lagi ini, secara tidak langsung, telah memudahkan mereka untuk menjalankan *maritime raiding activities* di sekitar perairan Brunei. Dalam erti kata lain, sebelum tahun 1840-an aktiviti *maritime raiding* oleh orang Dayak Laut begitu berleluasa di perairan kepulauan Borneo dan Asia Tenggara amnya.

Para pembesar Sarawak seperti Sherif Sahap, Sherif Jaffir, dan Sherif Mulla; serta para pembesar Brunei seperti Pangeran Usop Pangiran (Brunei), Pangeran Indera Mahkota (mantan Gabenor Brunei di Sarawak) dan Sherif Masahor (mantan Gabenor Brunei di Rejang), dan lain-lain lagi dengan kerjasama pemimpin Iranun di Borneo Utara pula telah menaja orang Dayak Laut untuk menjalankan pemburuan hamba dan rompakan kapal-kapal dagang Barat di perairan Sarawak. Untuk tujuan rompakan kapal dagang Barat di laut, orang-orang Dayak Laut akan menggunakan perahu perang yang dikenali sebagai *bangkong* (Tate, 1988).


kapalnya bernama *Royalist* seberat 142 tan untuk mendapatkan bantuan Kapten Henry Keppel selaku pegawai pemerintah tentera laut British di Singapura.

Sebaik sahaja berjaya mendapatkan bantuan Kapten Henry Keppel, maka James Brooke telah mula mengatur langkah bagi merealisasikan kempen penghapusan Dayak Laut di Sarawak dan kepulauan Borneo. Di Sarawak, James Brooke telah memulakan siri kempen anti-lanun (Dayak Laut) dengan menyerang pusat-pusat petempatan Dayak Laut, termasuk

penentangannya dari kalangan orang peribumi Sarawak, Melayu Brunei, dan orang Cina.

Pada tahun 1843, Kapten Henry Keppel selaku komander kapal *H.M.S Dido* telah tiba di Sarawak dan menyusur masuk ke Sungai Saribas dan Sungai Batang Lupar untuk membuat tinjauan awal lokasi Dayak Laut (Keppel, 1847). Beliau telah menulis surat kepada Pangeran Rajah Muda Hashim, selaku Gabenor Brunei di Kuching yang berkuasa di kawasan di Saribas dan Batang Lupar untuk membantunya dalam kempen tersebut dan telah dipersetujui oleh Pangeran Rajah Muda Hashim.

Sebagai permulaannya, James Brooke dan Kapten Henry Keppel telah memulakan serangan di Rimbas, Paku, dan Padeh (yang menjadi petempatan utama Dayak Laut di Saribas) pada bulan Jun 1843 dengan bantuan Dayak



Ilustrasi 7:

Lakaran Strategi Serangan Brooke di Sungai Saribas, Sungai Kalaka, dan Sungai Batang Lupar
Sumber: Bob Reece (2002:39)

dari Lingga dan berjaya memusnahkan petempatan Dayak Laut di Saribas. Setelah berjaya di Saribas, James Brooke dan Kapten Henry Keppel meneruskan kempen kedua mereka di Sungai Batang Lupar pada bulan Ogos 1844 menggunakan kapal *H.M.S. Dido* dan kapal perang wap bernama *Phlegethon* milik East India Company dengan bantuan Pengiran Bedrudin dari Sarawak untuk menghapuskan pangkalan Dayak Laut yang dipimpin oleh Sherif Sahap, Pangiran Indera Mahkota, Sherif Jaffir, dan Sherif Mulla. Dalam pelayaran dari Kuching ke Patusan, James Brooke dan Kapten Henry Keppel telah diserang oleh Sherif Sahap tetapi berjaya dikalahkan (Keppel, 1847; dan Belcher, 2005).

Kemudian, James Brooke dan Kapten Henry Keppel terus mara ke kubu Pangiran Mahkota dan Sherif Mulla di Undup dan berjaya dimusnahkan

dan Pangeran Indera Mahkota telah ditawan dan dibawa ke Brunei untuk dipenjarakan. Setelah itu angkatan James Brooke dan Kapten Henry Keppel terus mara ke Skrang yang menjadi kubu Dayak Laut dan mendapat tentangan hebat. Dalam pertempuran tersebut ketua orang Melayu, iaitu Datu Patinggi Ali dan Leftenan Wade (*H.M.S. Dido*) telah terbunuh, termasuk 30 orang askar Sarawak mati dan 56 orang lain cedera. Kemudian, James Brooke dan Kapten Henry Keppel terus mara ke Lingga memburu Sherif Sahap, Sherif Jaffir, dan Sherif Mulla tetapi mereka berjaya melarikan diri ke wilayah Belanda di Kalimantan (Mundy, 1848; dan Appell, 1965).

Selepas lima tahun berlalu, orang-orang Dayak Laut kembali aktif dengan menyerang Sadong, Sesang, Sarikei, Paloh, Matu, Bruit, dan Igan pada tahun 1849 dan memaksa Sultan Brunei meminta bantuan James Brooke di Sarawak semula. Untuk tujuan tersebut, James Brooke telah meminta bantuan sekali lagi dari armada laut British di Singapura. British telah menghantar Kapten Farquhar untuk memimpin tiga buah armada laut British, iaitu *H.M.S. Albatross*, *H.M.S. Royalist*, dan *H.M.S. Nemesis*. Pada 24 Julai 1849, James Brooke dan Kapten Farquhar telah menempatkan *H.M.S. Royalist* di muara sungai Batang Lupar, *H.M.S. Nemesis* di Sungai Saribas, dan *H.M.S. Albatross* di Kuala Sungai Kalaka (Tate, 1988).

Dalam misi ini, James Brooke dan Kapten Farquhar telah dibantu oleh Orang Kaya Lundu dan mempunyai kekuatan tentera seramai 3,500 orang di bawah arahan Kapten Farquhar. Pada 31 Julai 1849, angkatan Dayak Laut dengan kekuatan sebanyak 150 buah perahu telah menyerang *H.M.S. Albatross* di Kuala Sungai Kalaka. Dalam pertempuran tersebut armada British telah berjaya memusnahkan 88 buah perahu dan membunuh kira-kira 300 orang Dayak Laut. Sementara

itu ketua Dayak Laut bernama Linggir bersama 3,000 pengikutnya telah melarikan diri ke dalam hutan.

Pertempuran pada 31 Julai 1849 ini juga dikenali sebagai *Battle of Beting Marau*, iaitu sempena nama Beting Marau di Kuala Sungai Kalaya. Kempen penghapusan Dayak Laut di Sarawak oleh Rejim Brooke sampai ke puncaknya apabila pada tahun 1862 anak saudara James Brooke, iaitu Kapten John Brooke dan Johnson Brooke atau Tuan Besar berjaya memusnahkan orang-orang Dayak Laut di Mukah (Defoe, 1999; dan Reece, 2002). Dalam erti kata lain, selepas tahun 1862 tiada lagi ancaman Dayak Laut sebagai lanun utama di Sarawak.

Kesimpulan

Hegemoni para pembesar Brunei dan Melayu Sarawak yang berjaya memobilisasikan orang-orang Dayak Laut di Sarawak bersama-sama dengan orang-orang Iranun dan Balagingi dari selatan kepulauan Filipina untuk menjalankan aktiviti perlanunan di perairan Brunei pada abad ke-18 dan ke-19 telah banyak mendatangkan pelbagai masalah kepada para pelayar dan pedagang Barat. Tindakan memburu hamba dan merompak kapal-kapal dagang Barat ini telah menyebabkan Pangeran Indera Mahkota selaku bekas pembesar Brunei dan beberapa orang pemimpin Melayu di Sarawak seperti Sherif Sahap, Sherif Jaffir, Sherif Mulla, Datu Patinggi Abdul Ghapur, dan orang-orang Dayak telah dilabelkan sebagai "lanun" (*pirates*) oleh Barat.

Apa yang jelas di sini ialah penglibatan mantan pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak dalam kegiatan perburuan hamba mempunyai hubung-kait yang rapat dengan kemunculan Kesultanan Sulu di Borneo Utara. Sementara itu penglibatan mantan pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak dalam kegiatan perlanunan pula mempunyai hubung-kait yang

rapat dengan kekusutan dalaman politik Brunei dan perluasan kuasa James Brooke di Sarawak sendiri (Irwin, 1955). Sementara itu penglibatan Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828-1852) dan Raja Muda Hashim (Brunei) dalam kempen penghapusan lanun pula disebabkan oleh tekanan rejim Brooke yang seringkali menggunakan alasan ancaman lanun untuk campurtangan di Sarawak dan Brunei.

Sebagai kesimpulannya, aktiviti perlanunan yang dilakukan oleh orang-orang para pembesar Brunei, Melayu, dan orang-orang Dayak Laut di Sarawak yang pada mata kasar Barat sebagai *pirates* (lanun) wajar diadili semula berdasarkan kepada *world view*, sejarah peradaban, dan kebudayaan setempat; bukannya terus diadili berlandaskan perundangan di Barat yang bermotifkan *political and economic interest*. Dalam erti kata lain, pengadilan moral (*moral judgement*) terhadap realiti sejarah dan budaya di Nusantara pada abad ke-18 dan ke-19 harus dijadikan sebagai kayu ukur untuk menilai sejauhmana penglibatan mereka dalam pembinaan sejarah peradaban maritim di kepulauan Borneo, sama ada layak diklasifikasikan sebagai *pirates* atau layak diberi pengiktirafan oleh dunia sebagai satu-satunya *hero* berbangsa Melayu yang pernah menjadikan orang Eropah sebagai tawanan dan hamba dalam sejarah dunia.

Bibliografi

- Abdul Latif, Muhammad. (1992). "Latar Belakang Islam di Brunei" dalam *Jurnal Darussalam*, Bil.1.
- Appell, George N. (1965). "Death of Serip Usman in Rungus Tradition" dalam *The Sarawak Museum Journal*, Vol.XII.
- Bala, Bilcher. (2005). *Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei Darussalam*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Belcher, Edward. (1848). *Narrative of the Voyage of H.M.S. Samarang During the Years 1843-1846*. London: Reeve, Benham & Reeve.
- Braddel, R. (1980). "A Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca" dalam *JMBRAS*.
- Brown, D.E. (1970). *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Brunei: The Star Press.
- Dalrymple, Alexander. (1808). *Oriental Repertory*. London: t.p.
- Dampier, William. (1960). *A New Voyage Round the World*. London: t.p.
- Defoe, Daniel. (1999). *A General History of the Pirates*. New York: Dover Publications, Inc.
- Dickson, M.J. (1956). *Sarawak and Its People*. Kuching: t.p.
- Forrest, Thomas. (1961). *A Voyage to New Guinea and the Moluccas*. London: t.p.
- Gomes, Edwin H. (1954). *The Sea Dayaks of Borneo*. London: t.p.
- Halim, Yura & Jamillemar. (1958). *Sejarah Brunei*. Bandar Brunei: Brunei Press.
- Halimi, Ahmad Jelani (2000). "Lanun, Pedagang atau Penguatkuasa: Kes 'Pelanunan' di Wilayah Johor Riau Sebelum Abad ke-19 M" dalam *Jurnal Warisan Johor*.
- Handbook of British North Borneo*. (1890). London: t.p.
- Hunt, J. (1967). "Some Particular Relating to Sulo in the Archipelago of Felicia" dalam J.H. Moore [ed]. *Notices of the Indian Archipelago and Adjecant Countries*. London: t.p.
- Irwin, Graham. (1955). *Nineteenth Century Borneo: A Study in Diplomatic Rivalry*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Keppel, Henry. (1847). *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido for the Suppression of Piracy*. London: Chapman & Hall.
- Lapian, A.B. (1990). "Orang Laut, Bajak Laut dan Raja Laut". *Disertasi Doktor Tidak Diterbitkan*. Yogyakarta: Program Pascasarjana UGM [Universitas Gadjah Mada].
- Mundy, Ridney. (1848). *Narrative of Events in Borneo and Celebes Doen to the Occupation of Labuan from the Journal of James Brooke*. London: John Murray.
- Nicholl, Robert. (1996). *Raja Bongsu of Sulu: A Brunei Hero in His Times*. Selangor: Anaceme Art & Printing Sdn.Bhd.
- Nigel, Heyward. (1969). *Sarawak, Brunei & North Borneo*. Singapore: Easten Universities Press Ltd.
- Omar, Asmah. (1983). *The Malay People and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ongkili, J.P. (1973). "Pre-Westen Brunei, Sarawak and Sabah" dalam *Nusantara*, Bil.3.
- Osman, Sabihah, Muhamad Hadi Abdullah & Sabullah Hj. Hakip. (2001). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pollard, Elizabeth. (1997). *Kuching, 1839-1970*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ISMAIL ALI,

Perburuan Hamba, Perlanunan, dan Kempen Penghapusan Lanun

- Rawlins, Joan. (1969). *Sarawak, 1839-1968*. London: MacMillan, 2nd Edition.
- Reece, Bob. (2002). *The White Rajah's of Sarawak: A Borneo Dynasty*. Singapore: Archipelago Press.
- Reid, Anthony. (1988). *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680*. New Haven: Yale University Press.
- Richards, Anthony [ed]. (1992). *The Sea Dayaks and Other Races of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rubin, A.P. (1974). *Piracy, Paramontey and Protectorates*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rutter, Owen. (1930). *The Pirate Wind: Talse of the Sea-Rubbers of Malaya*. New York: Oxford University Press.
- Sandin, Benedict. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: MacMillan.
- Sidhu, Jatswan S. (1995). *Sejarah Sosioekonomi Brunei, 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singh, Ranjit. (1984). *Brunei, 1839-1983: The Problems of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.
- Tarling, Nicholas. (1971). *Britain, the Brookes and Brunei*. London: Oxford University Press.
- Tate, D.J.M. (1988). *Rajah Brooke's Borneo: The Nineteenth Century World of Pirates and Head-Hunters, Orang Utan and Hornbills, and Others Such Rarities Seen Through the Illustrated London News and Other Contemporary Sources*. Hong Kong: John Nicholson Ltd.
- Warren, James Francis. (1981). *The Sulu Zone, 1768-1898: The Dynamic of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of A Southeast Asian Maritime State*. Singapore: Singapore University Press.
- Warren, James Francis. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*. Quezon City: New Day Publishers.
- Wright, Leigh R. (1966). "Piracy and the Powers in Nineteenth Century Borneo" dalam *Journal of Asia Studies*, Vol.XXV. Kota Kinabalu: Sabah Museum.